



**KENYATAAN MEDIA
JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA
(JPPM)**

**PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG PERTUBUHAN BERDAFTAR
DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN
(PKPP)**

17 SEPTEMBER 2020, PUTRAJAYA

YAB Perdana Menteri pada perutusan khas bertarikh 10 Ogos 2020 telah mengumumkan bahawa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) digantikan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Dalam tempoh PKPP ini banyak sektor ekonomi dan sosial telah dibenarkan beroperasi dan pihak pertubuhan juga boleh melaksanakan mesyuarat agungnya tertakluk kepada prosedur tetap operasi (SOP) yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Dalam tempoh PKPP ini, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) telah menerima banyak permohonan daripada pertubuhan berdaftar untuk melanjutkan atau menangguhkan pelaksanaan mesyuarat agung pada tahun 2020 berikutan tidak dapat memenuhi kehendak SOP yang ditetapkan seperti ketiadaan kapasiti ruang yang boleh menempatkan ahli-ahli hadir mesyuarat terutamanya bagi pertubuhan yang bertaraf kebangsaan serta mempunyai cawangan dengan ahli yang ramai di seluruh negara. Di samping itu, tempoh masa untuk melaksanakan mesyuarat agung berkenaan adalah amat singkat bagi persediaan mesyuarat seperti penghantaran notis yang memerlukan tempoh masa yang ditetapkan selaras dengan perlombagaan pertubuhan masing-masing.

Oleh yang demikian, dengan mengambilkira kesukaran yang dihadapai oleh pertubuhan berdaftar akibat COVID-19 maka Pendaftar Pertubuhan Malaysia (PPM) telah bersetuju membenarkan **mesyuarat agung pertubuhan berdaftar hendaklah dilaksanakan selewat-lewatnya pada 31 Disember 2020**. Selepas pelaksanaan mesyuarat agung berkenaan pertubuhan berdaftar hendaklah mengemukakan penyata tahunan kepada JPPM selaras dengan peruntukan Seksyen 14(1), Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335]. **Kebenaran yang diberikan oleh PPM adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 3A, Akta 335.**

Tujuan kebenaran ini adalah untuk memastikan bahawa pertubuhan berdaftar tetap melaksanakan mesyuarat agung pada tahun 2020 dan tidak melangkaui tahun semasa agar pertubuhan berdaftar dapat memastikan pengurusan pertubuhan adalah dilaksanakan dengan baik selaras dengan kehendak perlembagaan pertubuhan dan Akta 335.

JPPM sentiasa memberikan keutamaan dalam pematuhan SOP dan sentiasa bekerjasama bagi membantu memutuskan rantaian pandemik COVID-19. Semoga usaha pencegahan oleh Kerajaan dapat melindungi rakyat Malaysia daripada wabak ini.

Sekian. Terima Kasih

**JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN
MALAYSIA PUTRAJAYA**
